



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

MPP 3 TAHUN 2021

**TINGKATAN 5
TASAWWUR ISLAM
5226
2 ½ jam**

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian.
2. **Bahagian A** mengandungi **20 soalan** yang mesti dijawab oleh calon.
3. **Bahagian B** mengandungi **6 soalan**. Pilih **empat soalan** sahaja.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama- sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
ANJUNG ILMU

Kertas soalan ini mengandungi **9** halaman bercetak

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 4

Lengkapkan pernyataan berikut.

1

1 _____ merupakan senjata kepada orang mukmin.

1

2 Prinsip _____ ialah prinsip utama dalam bidang kemanusiaan.

1

3 Allah SWT telah menetapkan cara perbelanjaan harta secara berhemat seperti tidak membazir dan tidak _____.

1

4 Bagi memelihara _____ Islam menyuruh umatnya menuntut ilmu.

Soalan 5 hingga 8

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

1

5 Berfikiran positif terhadap semua pihak.

--

1

6 Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya.

--

1

7 Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan berdasarkan keimanan.

--

1

8 Seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syarak.

--

Soalan 9 dan Soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Jenis Kesalahan	Kadar Diat
M	100 ekor unta ditanggung oleh pembunuh sepenuhnya dan mesti dibayar dengan segera.
N	100 ekor unta ditanggung oleh waris pembunuh dan boleh dibayar secara beransur-ansur selama tiga tahun.

Jadual di atas berkaitan dengan diat mengikut jenis kesalahan.

9 M ialah _____

10 N ialah _____

1

1

Soalan 11 dan Soalan 12

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan berdasarkan jadual di bawah.

Etika Tadbir Urus	Penerangan
U	Konsisten dalam menghasilkan impak cemerlang.
Sistematik	Membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan.
V	Tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri.

11 U ialah _____


12 V ialah _____

1

1

Soalan 13 dan Soalan 14

Tulis jawapan yang betul berdasarkan carta A di bawah.



Carta A

13 T ialah _____


14 U ialah _____

1

1

Soalan 15 dan Soalan 16

Tulis jawapan yang betul berdasarkan Carta B di bawah.



Carta B

15 V ialah _____

16 W ialah _____

1

1

Soalan 17 hingga Soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

*Untuk
kegunaan
Pemeriksa*

- | | | | | | |
|----|---|--------------------------|---|--|---|
| 17 | Panduan berakhlak dalam Islam menepati fitrah kejadian manusia. | <input type="checkbox"/> | <table border="1" style="border-collapse: collapse;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px; text-align: center; vertical-align: middle;">1</td></tr></table> | | 1 |
| | 1 | | | | |
| 18 | Islam agama yang sangat mudah dan umatnya digalakkan untuk mempermudah semua urusan dalam agama. | <input type="checkbox"/> | <table border="1" style="border-collapse: collapse;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px; text-align: center; vertical-align: middle;">1</td></tr></table> | | 1 |
| | 1 | | | | |
| 19 | Islam lebih mengutamakan sudut rohani berbanding sudut jasmani. | <input type="checkbox"/> | <table border="1" style="border-collapse: collapse;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px; text-align: center; vertical-align: middle;">1</td></tr></table> | | 1 |
| | 1 | | | | |
| 20 | Kesaksian dalam Islam menetapkan bilangan saksi sekurang- kurangnya dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan. | <input type="checkbox"/> | <table border="1" style="border-collapse: collapse;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px; text-align: center; vertical-align: middle;">1</td></tr></table> | | 1 |
| | 1 | | | | |

MARKAH BAHAGIAN A

BAHAGIAN B

Jawab **empat** soalan daripada **enam** soalan berikut.

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud Islam sebagai al-Din [2 markah]
(ii) Jelaskan tindakan bagi menjadikan Islam sebagai cara hidup. [2 markah]

- (b) **“ Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka menyembah-Ku”**
(al-Dzariyat : 56)

Senaraikan **dua** jenis ibadah beserta contoh. [4 markah]

- (c) (i) Apakah maksud hak milik harta menurut Islam? [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** kesan memiliki harta yang halal kepada individu. [4 markah]

(d)



- (i) Nyatakan **dua** ciri pegangan akidah yang benar bagi mengelakkan perkara di atas. [2 markah]
(ii) Huraikan bagaimana anda dapat mengelakkan diri daripada anasir di atas. [4 markah]

2. (a) Senaraikan **empat** alam yang dilalui oleh manusia [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud manusia sebagai khalifah Allah. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah dalam bidang ekonomi. [4 markah]

- (c) Huraikan **dua** cara untuk memastikan sistem perundangan Islam dapat diaplikasikan dalam sesebuah negara. [4 markah]

(d)

GEJALA RASUAH PENJAWAT AWAM DI MALAYSIA KINI SATU PANDEMIK - AKHBAR SATAR

KUALA LUMPUR: Gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam di negara ini disifatkan merupakan satu pandemik dan merupakan satu isu yang sangat serius.

Presiden Persatuan Pemeriksaan Penipuan Bertauliah Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar berkata perlakuan mengambil rasuah yang meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan dilihat menjadi satu budaya di negara ini.

“Pergi jabatan mana sahaja pun, ia (gejala rasuah) akan berlaku. Sebagai contoh, di KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur), terdapat lebih 30,000 PATI (pendatang asing tanpa izin) dibenarkan masuk ke negara ini dengan begitu mudah dengan mendapat imbuhan.

“Keduanya, aktiviti pelacuran yang mana pelacur yang masuk ke negara ini memberikan rasuah kepada pegawai. Ia bukan sahaja memberi kesan yang tidak baik, malah merosakkan imej negara.

Berita Astro Awani

November 30, 2020

Berdasarkan keratan akhbar di atas, kenapakah perkara tersebut masih berlaku?

[6 markah]

Sistem Sosial Islam ialah sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.

3 (a) Senaraikan **dua** adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam. [2 markah]

(b) Nyatakan maksud konsep kekeluargaan Islam. [2 markah]

(c) (i) Jelaskan **dua** asas pergaulan dalam Islam [4 markah]

Negara majmuk merupakan negara yang mana penduduknya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

(ii) Berdasarkan situasi di atas, huraikan **dua** faedah pergaulan mengikut syariat kepada masyarakat. [4 markah]

(d) (i) Senaraikan **empat** prinsip negara Islam. [4 markah]

Kepemimpinan sesebuah negara yang baik, mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan al-Quran dan al-Hadis serta mengamalkan sistem pemerintahan Islam akan membawa kemakmuran, keharmonian dan kesejahteraan kepada negara yang dipimpin.

(ii) Nyatakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

4. (a) (i) Jelaskan pengertian akhlak mahmudah. [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** contoh akhlak mahmudah [2 markah]
(iii) Jelaskan peranan akhlak mahmudah dalam masyarakat. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** kepentingan mengamalkan prinsip Rabbaniyyah dalam kehidupan [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** jenis muamalah yang mengamalkan konsep ta'awun dalam transaksi. [2 markah]



- (d) (i) Berdasarkan gambar di atas, nyatakan jenis pekerjaan yang dilakukan. [1 markah]
(ii) Bagaimanakah pekerjaan tersebut membawa kebaikan kepada kehidupan seseorang? [5 markah]
5. (a) (i) Apakah maksud wahyu? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** perbezaan di antara wahyu dan akal. [4 markah]

Agensi Antidadah Kebangsaan(AADK) syor wujud Akta Bahan Khayal atasi ketagihan gam terutama dalam kalangan kanak-kanak

6 Januari 2019
Berita Harian Online

- (b) (i) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **dua** perkara yang boleh merosakkan akal selain yang disebutkan di atas. [2 markah]
(ii) Pada pendapat anda apakah langkah penyelesaian yang sesuai dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut selain daripada cadangan yang disyorkan di atas? [4 markah]

Takzir ialah kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.

- (c) Jelaskan **dua** kriteria kesalahan yang boleh dikenakan hukuman takzir. [4 markah]
- (d) *Salah satu cara untuk menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah ialah dengan mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah seperti membaca dan beriadah.*
Terangkan **dua** hikmah tindakan ini perlu dilakukan. [4 markah]

6. (a) (i) Nyatakan **dua** adab dan etika dalam berhibur menurut Islam. [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** ciri hiburan menurut Islam. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** konsep kesenian dalam Islam. [2 markah]
(ii) Huraikan **dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. [4 markah]
- Rasulullah SAW bersabda :

“ Sesungguhnya Allah itu indah, Dia suka akan segala yang indah ”

– Riwayat Muslim.
- (c) Bagaimana pandangan anda tentang kesenian berdasarkan hadis di atas. Huraikan. [4 markah]
- (d) (i) Senaraikan **dua** prinsip tadbir urus dalam Islam [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT